



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN AHAD, 9 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



9/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	PENJAWAT AWAM WANITA CERMINAN KEPIMPINAN BERINTEGRITI DAN EMPATI - NANCY		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2488570	BERNAMA.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/08/wanita-perlu-berani-lawan-buli/	TVSARAWAK.MY	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/women-civil-servants-reflect-leadership-with-integrity-and-empathy/	THESUN.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2488624	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/berita/tempatan/penjawat-awam-wanita-tonjol-integriti-dan-empati-dalam-kepimpinan/	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	A NEW ERA IN CARE		POSITIF
	https://www.thestar.com.my/starpics/2025/11/08/a-new-era-in-care	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	MAKIN RAMAI PENJAGA PESAKIT KRONIK TERIMA BANTUAN JKM		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/755797/berita/laporan-khas/makin-ramai-penjaga-pesakit-kronik-terima-bantuan-jkm	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	JKM PERKUKUH INKLUSI SOSIAL, GOLONGAN OKU TERUS DIHARGAI DAN DISOKONG		POSITIF
	https://utusanarawak.com.my/jkm-perkukuh-inklusi-sosial-golongan-oku-terus-dihargai-dan-disokong/	UTUSANSARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



9/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	MTL: BANTUAN WANG IHSAN BENCANA DISALUR SETIAP TIGA BULAN		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/755869/berita/nasional/mtl-bantuan-wang-ihsan-bencana-disalur-setiap-tiga-bulan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2488612	BERNAMA.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1310803/nadm-a-over-182000-households-have-registered-flood-aid	NST.COM.MY	
	https://seeni.my/article/mtl-bantuan-wang-ihsan-bencana-disalur-setiap-tiga-bulan-sinar-harian-755869	SEENI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	MURID PPKI LEMAS KETIKA SERTAII AKTIVITI DI KOLAM RENANG		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/murid-ppki-lemas-ketika-sertai-aktiviti-di-kolam-renang/	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	REMAJA OKU TRAUMA DICABUL PELAJAR LELAKI DALAM TANDAS SEKOLAH		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1285246/remaja-oku-trauma-dicabul-pelajar-lelaki-dalam-tandas-sekolah	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1469099/pelajar-oku-dakwa-dicabul-rakan-sekelas-dalam-tandas	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/08/remaja-oku-dipercayai-dicabul-rakan-di-tandas-sekolah	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/08/remaja-oku-jadi-mangsa-sentuh-rakan-sekolah/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2025/11/remaja-oku-dicabul-dalam-tandas-sekolah/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/755828/berita/semasa/pelajar-oku-dicabul-rakan-sekolah	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



9/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://malaysiagazette.com/2025/11/08/pelajar-oku-dicabul-dalam-tandas-sekolah/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.buletintv3.my/jenayah/remaja-oku-trauma-dicabul-pelajar-lelaki-dalam-tandas-sekolah/	BULETINTV3.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1310765/special-needs-student-allegedly-molested-school-toilet	NST.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-siasat-dakwa-an-remaja-perempuan-oku-dicabul-rakan-sekelas-546665	ASTROAWANI.COM	
	https://thesun.my/berita/tempatan/polis-oku-dicabul-rakan-sekelas/	THESUN.MY	
	https://siapakeli.my/2025/11/08/polis-siasat-dakwa-an-remaja-perempuan-oku-dicabul-rakan-sekelas	SIAPAKELI.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penjawat Awam Wanita Cerminan Kepimpinan Berintegriti Dan Empati – Nancy

🕒 08/11/2025 06:04 PM



KUCHING, 8 Nov (Bernama) -- Kepimpinan berkesan dalam perkhidmatan bergantung bukan sahaja kepada ilmu dan kecekapan tetapi juga nilai kemanusiaan seperti integriti, empati dan semangat berpasukan yang sering ditonjolkan oleh penjawat awam wanita dalam pelaksanaan tugas seharian.

Menyedari potensi itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata pihaknya komited memperkasakan kepimpinan wanita bukan sahaja di tempat kerja tetapi juga dalam masyarakat melalui pelbagai program pembangunan yang dilaksanakan.

Beliau berkata menerusi Jabatan Pembangunan Wanita, antara inisiatif yang dijalankan ialah Program Perantis, Program Gig@BIT, dan Program Kirana di seluruh negara bagi memberi peluang kepada wanita meningkatkan ilmu, kemahiran serta daya saing dalam pelbagai bidang.

"Program Perantis, contohnya merupakan platform bimbingan kepimpinan yang bertujuan melahirkan wanita berwibawa dalam bidang ekonomi, politik dan teknologi," katanya ketika berucap pada majlis penutupan Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) Wanita Sarawak Amazing Race 2025 di sini hari ini.

Beliau berkata melalui program ini, peserta berpeluang berguru secara langsung dengan tokoh wanita bagi membina keyakinan untuk memimpin dan memberi impak positif dalam komuniti serta organisasi masing-masing.

Nancy turut meminta penjawat awam wanita, khususnya di Sarawak mengambil peluang menyertai Program Perantis bagi memupuk sifat dan kemahiran kepimpinan dalam diri mereka.

"Bermula tahun lepas, kita telah memulakan projek rintis dengan peruntukan RM5 juta, namun hanya seorang peserta dari Sarawak yang terlibat. Saya berharap tahun ini kita dapat menambah sekurang-kurangnya empat lagi peserta dari negeri ini supaya lebih ramai wanita Sarawak mendapat manfaat," katanya.

Beliau turut berharap melalui program itu, penjawat awam wanita terus diberi ruang untuk berkembang bukan sahaja bagi kemajuan diri tetapi juga untuk memperkukuh perkhidmatan awam yang lebih cekap, inklusif dan manusiawi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



A NEW ERA IN CARE

STARNOS
Saturday, 08 Nov 2023



The Anwar delegation attended the conference held from Nov 4-6 at the Grand Millennium Hotel, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

AGEING and care are common issues that have drawn growing attention across the region, with most countries remaining in the early stages of implementing care-related initiatives. For Malaysia, current projections estimate that the nation will become an aged nation by 2030.

In response, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim introduced the care economy during the launch of the Madani Economy on July 27, 2023. This initiative aims not only to increase the female labour force but also to prepare Malaysia for demographic transformation.

As Finance Minister, Anwar emphasised that the "Madani Economy Empowering the People" initiative is a comprehensive plan designed to address a wide range of challenges - from enhancing Malaysia's competitiveness and investment appeal to tackling urgent issues that affect the daily lives of its citizens.

A key component of this strategy is The New Frontiers in the Care Economy Conference (CARECON) 2025. Held from Nov 4 to 6 at the Grand Millennium Hotel, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur, the event brought together over 150 participants from Asian member states, government agencies, the private sector, higher education institutions and international organisations to reimagine care as both a social imperative and economic driver.



The conference's theme, "Exploring models of sustainable, inclusive, responsive and equal care for Asia and the region" reflects the urgency of shared challenges across South-East Asia, such as population ageing, climate change and the impact of the Covid-19 pandemic.

Regional synergy

Held in conjunction with the Malaysian Asian Chairmanship, CARECON 2025 served as a significant platform to strengthen the regional care economy ecosystem and to position Malaysia as a regional hub for sustainable, inclusive and equitable innovations and policies.

These align with the aspirations of the Madani Economy and the 13th Malaysia Plan, which recognises the importance of the care sector management and the care economy as a new source of national income.

The conference's theme, "Exploring models of sustainable, inclusive, responsive and equal care for Asia and the region", reflects the urgency of shared challenges across South-East Asia, such as population ageing, climate change and the impact of the Covid-19 pandemic. It also emphasises social sustainability in achieving the "ASEAN Declaration on strengthening the Care Economy and Fostering Resilience: Towards the Post-2025 ASEAN Community".

Over three days, CARECON 2025 examined care policies at the Asian level, explored innovative solutions and addressed common challenges through presentations, plenary sessions, group discussions and care benchmarking visits that showcased Malaysian care facilities including Taman Sinar Harapan Tuanku Ampuan Najibah Seremban.

The conference's success was supported by international partners, including the Government of Australia, United Nations Children's Fund (UNICEF), the United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP), UN Women, United Nations Development Programme (UNDP) and the Care Economy Research Institute (La Trobe University, Melbourne), among others, who provided sponsorship covering flights, transportation costs and accommodation for participants.

Personal mission

For Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri, the initiative is a personal mission.

Speaking with STARNOS, she shared how her own experience caring for her elderly mother during the pandemic deepened her commitment to advancing the care sector.

"I have a mother who is already old. And because of Covid-19, it was not easy for us to find a caregiver."

"From there, I looked at myself as both a daughter and a minister. I wanted to be responsible not only for my family but also for the many families facing the same struggle."

"Because of that, I see this as my opportunity and I am determined to ensure the caregiving industry in Malaysia is uplifted, both formal and informal," she shared.

Her experience echoes the reality faced by many Malaysian families striving to care for ageing loved ones while managing work and personal responsibilities.

Nancy also highlighted Malaysia's efforts to train and prepare caregivers not only for Malaysia but also making Malaysia the regional care hub for ASEAN as part of CARECON 2025's broader objectives.



Nancy emphasising an aim at STARNOS how the nation is preparing caregivers for Malaysia and the Asian region, as part of the CARECON 2025 initiatives. - RIZMAN/STARNOS/ The Star

Care solutions

Beyond serving as a platform for discourse, CARECON 2025 marked a milestone with the launch of the "Malaysia Care Strategic Framework and Action Plan 2026-2030", a comprehensive five-year roadmap developed by the Women, Family and Community Development Ministry as the lead agency and regulatory body for long-term care development.

Among the five care-related initiatives announced under Budget 2025, the framework outlines implementation across short-, medium- and long-term horizons within five strategic cores:

- » Legislation and Governance
- » Competencies and Career Pathways
- » Advocacy
- » Strategic Cooperation and Research
- » Technology and Data

In addition to strengthening Malaysia's position as a regional care hub, the conference showcased the country as a destination for competitive investment, establishing benchmarks for care frameworks and investment models.

The conference also equipped participants with the knowledge to address care economy challenges in their home countries through the exchange of best practices and innovative solutions.

Emerging leaders connected with regional experts through shared mentoring opportunities, building networks of advocates who will drive policy innovation across the region.



The launching ceremony of the Malaysia Care Strategic Framework and Action Plan 2026-2030 was officiated by Nancy Shukri. With her were Deputy Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Dr Nur Hafid Ahmad (left) and secretary-general Datuk Dr Marjiah Che Yusoff.

Optimistic path

Nancy shared that, over the next five years, the ministry aims to position Malaysia as ASEAN's leading care hub while professionalising the sector by developing clear career pathways that make caregiving a respected and rewarding profession.

This includes enhancing competencies for both paid and unpaid caregivers through comprehensive training programmes, reviewing existing laws and exploring the need for dedicated care legislation.

The ministry will also strengthen strategic collaborations with international organisations and non-governmental organisations (NGOs), while launching public advocacy campaign to raise awareness about the critical role of care in national well-being and economic growth.

"Who knows, one day, in 2030, all the caretakers will come from Malaysia. If that happens, the first step starts here," Nancy enthused.

As Malaysia prepares for demographic transformation, the country is building an economic pillar that creates opportunity, dignity and security for all.

CARECON 2025 paves the way for Malaysia and ASEAN nations to redefine care, ageing and economic inclusion, charting a path toward a more compassionate and sustainable future.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Makin ramai penjaga pesakit kronik terima bantuan JKM



ROSKHOIRAH YAHYA

Follow

08 November 2025 10:30am



JKM memberikan bantuan kewangan RM500 sebulan bagi meringankan beban penjaga, sekali gus menggalakkan mereka terus menjaga ahli keluarga yang memerlukan. - Gambar hiasan

SHAH ALAM – Penerima Bantuan Penjagaan OKU Terlantar atau Pesakit Kronik Terlantar dan Pesakit Kronik Tidak Terlantar (BPT) meningkat ketara kepada 32,653 orang dengan peruntukan berjumlah RM117 juta setakat Julai tahun ini, berbanding 29,448 (RM174.5 juta) pada 2024 dan 28,281 orang (RM165.6 juta) bagi 2023.

JKM dalam satu kenyataan berkata, setiap individu itu menerima bantuan kewangan sebanyak RM500 sebulan yang bertujuan meringankan beban penjaga, sekali gus menggalakkan mereka terus menjaga ahli keluarga yang memerlukan.

"Semasa Belanjawan Tahun 2025, kerajaan telah menaikkan syarat kelayakan pendapatan isi rumah bagi pertimbangan BPT daripada RM3,000 kepada RM5,000 sebulan.

"Kenaikan syarat kelayakan ini telah memberi peluang kepada lebih ramai individu menerima bantuan BPT.

"Kriteria kelayakan untuk menerima bantuan BPT adalah warganegara dan bermastautin di Malaysia, pemohon adalah penjaga yang memberikan penjagaan rapi kepada orang kurang upaya (OKU), pesakit kronik terlantar atau tidak terlantar," katanya.

Antara ciri lain ialah pesakit kronik tidak terlantar yang memerlukan rawatan berterusan bagi tempoh minimum sekurang-kurangnya tiga bulan layak dipertimbangkan atas nama pesakit sendiri.

Sekiranya OKU, pesakit kronik terlantar tidak mempunyai penjaga atau yang penjaganya bukan warganegara Malaysia, bantuan boleh diberikan ke atas nama pesakit itu sendiri.

Jelas JKM, terdapat pelbagai cabaran dihadapi dalam menyalurkan bantuan khususnya golongan OKU terlantar dan pesakit kronik yang tinggal jauh di kawasan luar bandar seperti Sabah dan Sarawak.

Bagaimanapun katanya, beberapa langkah telah diambil bagi menangani cabaran tersebut.

"JKM melaksanakan pengoperasian 108 buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD), Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan (PKMJ) dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian (PKMB) di seluruh negara yang menyediakan perkhidmatan di bawah JKM dan termasuklah permohonan bantuan kewangan.

"Pemohon juga boleh hadir ke mana-mana PKMD yang terdekat dengan tempat tinggal mereka untuk mendapatkan perkhidmatan diperlukan di bawah JKM," ujarnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM perkukuh inklusi sosial, golongan OKU terus dihargai dan disokong

Utusan Sarawak • 10 hours ago



UCAPAN....Timbalan Pengarah (Persekutuan) JKM, Mohd Ali Taib berucap pada majlis penutupan sambutan Hari OKU Peringkat Bahagian Sarikei, hari ini.

SARIKEI: Pejabat Kebajikan Masyarakat (JKM) Bahagian Sarikei telah membelanjakan sebanyak RM856,800 bagi bantuan kewangan bulanan untuk 1,904 Orang Kurang Upaya (OKU) yang bekerja di bawah Elaun Pekerja OKU dari Januari hingga Oktober 2025.

Timbalan Pengarah (Persekutuan) JKM, Mohd Ali Taib berkata, bagi tempoh sama, skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja turut menyalurkan RM2,017,800 kepada 6,726 penerima, manakala Bantuan Pesakit Terlanjar melibatkan perbelanjaan sebanyak RM624,500 kepada 1,249 penerima.

"JKM turut menyediakan kaunter pendaftaran OKU di semua pejabat bahagian dan daerah. Sehingga Oktober 2025, seramai 58,059 OKU telah didaftarkan melalui Sistem Pengurusan Maklumat OKU (SMOKU) di seluruh Sarawak," katanya ketika berucap pada Majlis Penutupan Sambutan Hari OKU Peringkat Bahagian Sarikei, di Dewan Serbaguna, Pusat Pentadbiran Kerajaan Sarawak Bahagian Sarikei, hari ini.



CENDERAMATA.....Mohd Ali Taib (kanan) menyerahkan cenderamata kepada Penghulu William Tandang Ujang.

Menurutnya, terdapat tujuh kategori OKU yang diiktiraf, iaitu penglihatan, pendengaran, pertuturan, fizikal, pembelajaran, mental dan pelbagai.

Dalam pada itu, beliau menggalakkan untuk penggantian kad OKU daripada kad OKU lama kepada kad OKU baharu yang mempunyai kod QR giat dijalankan di semua pejabat JKM.

"Sehubungan itu, kita menggalakkan semua pemegang kad OKU lama untuk tampil ke pejabat kebajikan masyarakat bagi menggantikan kad.

"JKM melalui Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) telah mewujudkan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di setiap bahagian.



UNTUK ALBUM....Penghulu William Tandang Ujang, Mohd Ali Taib dan Seah Han Rong bergambar bersama para pelatih, petugas dan ibubapa pelatih.

"PPDK adalah satu program yang melibatkan pembabit secara aktif ibubapa atau penjaga ahli keluarga OKU dan komuniti setempat untuk membantu OKU hidup berdikari dan diintegrasikan dalam masyarakat," katanya lagi.

Katanya, setiap daerah di Sarikei telah diwujudkan satu PPDK iaitu PPDK Sarikei yang mempunyai 56 pelatih, PPDK Meradong dan PPDK Julau masing-masing seramai 22 pelatih dan PPDK Pakan seramai 16 pelatih yang berdaftar.

Sementara itu, seramai 80 peserta yang terdiri daripada pelatih dan petugas daripada PPDK Sarikei, PPDK Meradong, PPDK Julau dan PPDK Pakan telah menyertai sambutan Hari OKU Peringkat Bahagian Sarikei.

Antara aktiviti diadakan termasuk pertandingan penghasilan produk PPDK, bakat seni kreatif, sukaneka bersama Ahli Jawatankuasa PPDK, serta PPDK Got Talent yang bertujuan memupuk semangat bersaing secara sihat dan mengeratkan hubungan antara peserta.

Turut hadir pada majlis penutupan ialah Penghulu William Tandang Ujang selaku wakil kepada Ahli Parlimen Sarikei, Dato' Sri Huang Tiong Sii dan wakil Pegawai Daerah Sarikei, Seah Han Rong.

Oleh Earl Anek

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MTL: Bantuan Wang Ihsan bencana disalurkan setiap tiga bulan



ADILA SHARINNI WAHID [Follow](#)

09 November 2025 05:43pm



Ahli Jawatankuasa yang mengadakan Program Kesiapsiagaan Bencana di Rantau Panjang, Posr Mas. FOTO SINAR HARIAN - ADILA SHARINNI WAHID

PASIR MAS - Kerajaan kini menambah baik pelaksanaan Bantuan Wang Ihsan (BWI) bagi mangsa bencana dengan peryaluran akan dibuat setiap tiga bulan sekali berbanding hanya sekali sepanjang musim Monsun Timur Laut (MTL) sebelum ini.

Pengarah Seksyen Pembangunan Komuniti dan Sosial (SKPS) Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Jefny Muhammad berkata, perubahan itu berkuat kuasa mulai sesi MTL 2025/2026 sekali gus membolehkan mangsa terjejas menerima bantuan sebanyak RM1,000 setiap kejadian bencana dalam tempoh terbabit.

"Jika bencana berlaku pada November dan berlaku lagi pada Mac, mereka layak menerima dua kali bantuan.

"Syaratnya, setiap kejadian mesti mempunyai jarak sekurang-kurangnya tiga bulan antara satu sama lain," katanya selepas Program Kesiapsiagaan Bencana Peringkat Komuniti di Masjid Sayidina Ali, Rantau Panjang di sini pada Sabtu.

Beliau berkata, pembayaran kini akan dibuat secara automatik dan disalurkan terus ke akaun bank mangsa melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) atau bank lain yang berdaftar.

"Kalau tak ada akaun pun, mereka boleh ambil tunai di kaunter BSN.

"Yang penting mereka perlu mendaftar dalam sistem MyIBJKM lebih awal bagi memudahkan urusan pemindahan di pusat pemindahan sementara dan rekod mangsa," jelasnya.

Sementara itu, katanya, menurut data Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hingga 31 Oktober lalu, sejumlah 182,379 Ketua Isi Rumah (KIR) seluruh negara berdaftar termasuk 109,986 melalui MyIBJKM.

Negeri Kelantan mencatat jumlah pendaftaran tertinggi di Malaysia iaitu 62,862 diikuti Terengganu (41,907) dan Johor (34,100).

Beliau menjelaskan bahawa BWI hanya akan diberikan kepada mangsa yang rumahnya dinaiki air atau rosak akibat bencana, manakala mangsa yang terkandas atau terkepung layak menerima bantuan makanan dan logistik daripada JKJ.

"Kami nak elak keciciran, tahun lepas di Kelantan lebih 73,000 mangsa dibayar bantuan RM1,000, tapi masih ada segelintir tercicir sebab maklumat tidak lengkap," katanya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan bahawa kerajaan tidak menghadapi masalah peruntukan dalam pengurusan bencana.

"Tahun lepas saja, Perdana Menteri meluluskan RM50 juta untuk Kelantan dan menambah dana apabila jumlah mangsa meningkat.

"Masalah biasanya timbul di bahagian pengurusan di lapangan," katanya lagi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Murid PPKI lemas ketika sertai aktiviti di kolam renang

🕒 08 November 2025, 1:52pm



Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Fadil Marsus. Foto NSTP

Oleh: Noor Hidayah Tanzizi

KUALA LUMPUR: Kanak-kanak lelaki meninggal dunia semalam, selepas dua hari bertarung nyawa dipercayai lemas ketika menyertai aktiviti di kolam renang, Kompleks Sukan Desa Tasik, Sungai Besi, di sini.

Mangsa berusia 11 tahun yang juga murid Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sebuah sekolah rendah di sini, dipercayai lemas ketika menyertai 'Program Sokongan Keyakinan Air', Rabu lalu.

Difahamkan kejadian berlaku jam 10.30 pagi dan ibu mangsa dimaklumkan mengenai kejadian itu oleh guru sekolah berkenaan sebelum bergegas ke lokasi.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Fadil Marsus berkata, susulan kejadian itu, mangsa mendapatkan rawatan susulan di Hospital Canselor Tunku Muhriz Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Bagaimanapun katanya, mangsa kemudian disahkan meninggal dunia pada 2.30 petang semalam.

"Jenazah selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam As Shuhadah Sungai Udang, Melaka.

"Polis menerima laporan berhubung kejadian itu dan siasatan lanjut sedang dijalankan," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR).

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Remaja OKU trauma dicabul pelajar lelaki dalam tandas sekolah

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my



GAMBAR hiasan

Kuala Lumpur: Seorang remaja perempuan yang juga orang kurang upaya (OKU) trauma selepas menjadi mangsa cabul pelajar lelaki di dalam tandas sebuah sekolah menengah di Cheras, Selasa lalu.

Kejadian itu diketahui ibu mangsa selepas remaja berusia 16 tahun itu memaklumkan kepadanya seorang rakan kelas anaknya itu menariknya masuk ke dalam tandas sebelum mencabul.

Mangsa bagaimanapun berjaya melarikan diri dan keluar dari kawasan sekolah sebelum memaklumkan kepada ibunya.

Mereka kemudian tampil membuat laporan di Balai Polis Cheras untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Fadil Marsus mengesahkan menerima laporan polis berhubung kejadian itu.

"Satu laporan polis sudah diterima dan siasatan sedang dijalankan," katanya dalam kenyataan hari ini.